



PERSEPSI MURID ISLAM DI SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN CINA (SJJC)  
TERHADAP PENGAJARAN PENDIDIKAN ISLAM

[PERCEPTIONS OF MUSLIM PUPILS IN CHINESE NATIONAL TYPE  
SCHOOLS (SJJC) ON ISLAMIC EDUCATION TEACHING]

MAIZAITUL AMIZA MOHAMAD<sup>1\*</sup> & KHADIJAH ABDUL RAZAK<sup>1</sup>

<sup>1\*</sup> Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA.  
E-Mail: p118632@siswa.ukm.edu.my

Correspondent Email: p118632@siswa.ukm.edu.my

---

Received: 21 March 2023

Accepted: 29 March 2024

Published: 18 April 2024

---

**Abstrak:** Mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah rendah merupakan salah satu mata pelajaran yang wajib dipelajari oleh murid yang beragama Islam. Ia bukan sahaja dipelajari di Sekolah kebangsaan (SK), tetapi juga termasuklah murid beragama Islam di Sekolah Jenis Kebangsaan sama ada Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJJC) atau Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT). Walaupun seseorang murid itu beragama Islam, tetapi kepelbagaian latar belakang budaya, bangsa dan adat menjadi kekangan dalam penerimaan untuk mempelajari mata pelajaran Pendidikan Islam. Selain itu, peranan dan kaedah pengajaran yang disampaikan oleh Guru Pendidikan Islam (GPI) juga mempengaruhi persepsi dan penerimaan murid terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam di SJJC. Oleh itu, tujuan artikel ini ditulis bagi mengenal pasti tahap penguasaan Pendidikan Islam murid Islam di SJJC di samping mengkaji persepsi murid terhadap pengajaran mata pelajaran Pendidikan Islam. Artikel ini juga membincangkan tentang hubungan antara persepsi murid terhadap pengajaran GPI dengan tahap penguasaan mata pelajaran PI. Kajian ini melibatkan seramai 165 orang murid Islam Tahap 2 di tiga buah SJJC di dalam daerah Petaling Perdana, Selangor sebagai responden. Borang soal selidik secara atas talian merupakan instrumen yang digunakan untuk mendapatkan data daripada responden. Hasil kajian menunjukkan dapatan bagi skor min persepsi murid Islam SJJC terhadap pengajaran GPI berada pada tahap sederhana ( $M=3.43$ ). Ujian korelasi *Spearman Rho* pula menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi murid Islam SJJC terhadap Pengajaran GPI dengan tahap penguasaan mata pelajaran PI pada tahap rendah ( $r=0.211$ ,  $p=0.006$ ). Implikasi daripada perbincangan ini diharap dapat menjadi panduan dan dorongan kepada murid beragama Islam di SJJC dan juga GPI di SJJC dalam mempertingkatkan pencapaian dan prestasi dalam mata pelajaran Pendidikan Islam.

**Kata kunci:** Persepsi, Murid Islam, SJJC, Pendidikan Islam

**Abstract:** Islamic education in primary school is one of the subjects that Muslim students are obliged to study. It is not only studied at the national school (SK), but also includes Muslim students at Sekolah Jenis Kebangsaan either Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJJC) or Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT). Even if a student is Muslim, the diversity of cultural backgrounds, races and customs is a constraint in the acceptance to study Islamic Education subjects. In addition, the role and teaching methods presented by the Islamic Education Teacher (GPI) also affect the perception and acceptance of students towards Islamic Education subjects in SJJC. Therefore, the purpose of this article is to identify

the level of mastery of Islamic Education of Muslim students in SJKC as well as to study the students' perception of the teaching of Islamic Education subjects. This article also discusses the relationship between pupils' perception of GPI teaching and the level of mastery of PI subjects. This study involved 165 Level 2 Muslim students at three SJKCs in the district of Petaling Perdana, Selangor as respondents. An online questionnaire is an instrument used to obtain data from respondents. The results showed that the findings for the mean score of SJKC Muslim students' perception of GPI teaching were moderate ( $M=3.43$ ). The Spearman Rho correlation test showed a significant association between SJKC's Muslim pupils' perception of GPI Teaching and the low level of PI subjects' mastery ( $r=0.211$ ,  $p=0.006$ ). The implications of this discussion are expected to be a guide and encouragement to Muslim students at SJKC as well as GPI at SJKC in enhancing achievement and performance in Islamic Education subjects.

**Keywords:** Perception, Muslim student, SJKC, Islamic education.

**Cite This Article:**

Maizaitul Amiza Mohamad & Khadijah Abdul Razak. 2024. Persepsi Murid Islam di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Terhadap Pengajaran Pendidikan Islam [Perceptions of Muslim Pupils in Chinese National Type Schools (SJKC) on Islamic Education Teaching]. *International Journal of Contemporary Education, Religious Studies and Humanities (JCERAH)*, 4(2), 58-68.

## **PENGENALAN**

Falsafah Pendidikan Islam adalah satu usaha untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan al-Quran dan as-Sunnah dalam pembentukan sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai khalifah Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membangun diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat kelak (Supyan Husin, 2014). Manakala dalam Akta Pendidikan 1996, dalam Seksyen 50 memperuntukkan supaya Pendidikan Islam wajib diajar di semua sekolah termasuk sekolah swasta. SJKC adalah termasuk di dalam sekolah kerajaan. Oleh itu, mata pelajaran Pendidikan Islam wajib diajar kepada murid-murid beragama Islam, tidak kira apa jua kaum dan bangsa.

Semua murid beragama Islam di SJKC wajib mengikuti kelas Pendidikan Islam termasuklah murid Tahun 1 sehingga Tahun 6. Murid Tahap 1 iaitu dari kelas Tahun 1 hingga Tahun 3 diperuntukkan masa sebanyak 120 minit (4 waktu) dalam seminggu tidak termasuk waktu tasmik sebanyak 60 minit (2 waktu) seminggu. Manakala murid Tahap 2 pula yang terdiri daripada murid Tahun 4 hingga Tahun 6 diperuntukkan sebanyak 130 minit (5 waktu) seminggu tidak termasuk waktu tasmik iaitu 60 minit (2 waktu) seminggu (Surat Pekeliling Ikhtisas KPM Bilangan 8 Tahun 2016). Bidang yang dipelajari adalah bidang Tilawah al-Quran yang merangkumi bidang bacaan dan hafazan surah, tajwid, kefahaman surah terpilih dan khatam al-Quran. Selain itu, murid juga perlu mempelajari bidang Ulum Syariah yang meliputi bidang Akidah, Ibadah, Adab, Sirah, Jawi serta Hadis. Murid Islam di SJKC mengikuti silibus atau sukatan yang sama dengan murid di Sekolah Kebangsaan (SK). Begitu juga penggunaan buku teks yang sama. Dengan peruntukkan waktu yang berbeza dan latar belakang yang berbeza, murid perlu mengikuti kandungan mata pelajaran yang sama. Situasi ini memberi cabaran kepada murid dan guru di SJKC.

Saban tahun, bilangan kemasukan murid beragama Islam ke SJKC semakin bertambah. Menurut Jiao Zong, sebuah Pertubuhan Radikal Cina mendakwa, data Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menunjukkan peningkatan bilangan pelajar bukan Cina di SJKC iaitu 11.84% pada 2010 kepada 19.75% bagi tahun 2020 (Atirah Huda, 2021). Dakwa beliau lagi, SJKC adalah sebuah sekolah pilihan ibu bapa bukan kaum Cina kerana setiap tahun semakin ramai ibu bapa bukan kaum Cina menghantar anak-anak mereka ke SJKC. Ini membuktikan SJKC adalah sekolah majmuk, murid dari pelbagai kaum dan bangsa boleh belajar bersama di SJKC. Ramai ibu bapa bukan Cina menghantar anak mereka ke SJKC dengan harapan anak-anak mereka dapat menguasai dan berkomunikasi di dalam Bahasa Mandarin di samping mendakwa bahawa SJKC adalah sekolah yang lebih mementingkan akademik berbanding dengan SK. Ini dapat dilihat pada peningkatan jumlah kemasukan murid Tahun 1 di salah sebuah SJKC di dalam daerah Petaling Perdana iaitu SJKC Han Ming pada sesi persekolahan 2023/2024 seramai 48 orang berbanding pada sesi persekolahan 2022/2023 seramai 37 orang dan sesi 2021 seramai 35 orang.

Namun, jika dilihat dari segi pencapaian murid Islam SJKC dalam mata pelajaran Pendidikan Islam sedikit membimbangkan. Ini kerana masih ramai murid Islam di SJKC tidak mahir dalam membaca al-Quran dan pengetahuan dalam agama Islam adalah rendah. Di dalam mesyuarat penyelarasan ketua panitia pendidikan Islam dan Bahasa Arab sekolah rendah bilangan 1/2023 PPD Petaling Perdana, laporan pencapaian program j-QAF 2022 mendapati pencapaian murid SJKC dalam khatam al-Quran ialah sebanyak 34.34% berbanding murid di SK sebanyak 37.46%. Manakala dalam bidang Tilawah al-Quran, Ajmain et al. (2017) menyatakan bahawa masih ramai murid Islam di SJK(C) yang tidak dapat membaca dan menghafaz surah-surah dari al-Quran dengan baik kerana kurangnya kesinambungan dalam hafazan di rumah dan kurang pengamalan terhadap bacaan surah-surah hafazan. Ini dibuktikan dengan pencapaian al-Quran murid SJKC bagi tahun 2022 ialah sebanyak 76.26% berbanding murid SK sebanyak 85.24%.

Justeru, persoalan utama yang diutarakan dalam kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap penguasaan murid Islam di SJKC dalam Pendidikan Islam serta tahap persepsi murid Islam terhadap pengajaran oleh Guru Pendidikan Islam dalam menyampaikan ilmu Pendidikan Islam. Kajian turut mengenal pasti hubungan antara persepsi murid Islam SJKC terhadap Pengajaran GPI dengan tahap penguasaan mata pelajaran PI

## **TINJAUAN LITERATUR**

Konsep pendidikan Islam adalah pendekatan pendidikan yang didasarkan pada ajaran dan prinsip-prinsip Islam. Pendidikan Islam bertujuan untuk membentuk individu yang memiliki pengetahuan tentang ajaran Islam dan mampu menerapkan nilai-nilai Islam dalam kehidupan sehari-hari. Pendidikan Islam bermaksud memberi pendidikan kepada murid-murid berdasarkan ajaran Islam yang sebenar. Pendidikan Islam di sekolah rendah bertujuan untuk memperkenalkan murid-murid kepada asas-asas agama Islam, nilai-nilai murni, dan praktikal ibadah di samping memberikan pendidikan akademik yang komprehensif. Kandungan ilmu dalam Pendidikan Islam diorganisasikan kepada tujuh bidang iaitu, bidang al-Quran, hadis, akidah, ibadah, adab, sirah dan jawi. Terkecuali di SJKC, bidang bahasa Arab tidak dipelajari.

Hasil pembelajaran dapat dilihat dan dinyatakan melalui standard prestasi murid berdasarkan kepada bidang-bidang yang dipelajari. Oleh itu, murid-murid akan berkembang menjadi individu yang beriman dan berakhlak mulia.

Berdasarkan kajian lepas yang dijalankan oleh Zalmiza Zakariya (2004) mendapati bahawa sebanyak 5.5% pelajar di sekolah-sekolah menengah kebangsaan di daerah Kota Setar mengatakan tidak sepenuh hati untuk mempelajari mata pelajaran Pendidikan Islam. Responden menyatakan alasan mata pelajaran Pendidikan Islam hanya merupakan mata pelajaran wajib dan merupakan satu keterpaksaan untuk mempelajarinya.

Kajian Nurul Syuhada et al. (2016) mengenai kaedah pengajaran dan pendekatan yang digunakan oleh guru Pendidikan Islam dalam bidang Ibadah mendapati persepsi murid terhadap kaedah dan pendekatan pengajaran guru mempunyai skor min yang tinggi iaitu  $M=4.10$ . Ini menunjukkan kaedah yang berkesan yang digunakan oleh GPI dalam pengajaran Pendidikan Islam mempengaruhi persepsi murid terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam.

Dalam kajian lain yang dijalankan oleh Zaki Ismail (2017) terhadap guru PI dan murid Islam di SJKC negeri Perak untuk mengenal pasti tahap amalan pengajaran bidang ibadah dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Dapatan kajian beliau menunjukkan bahawa amalan pengajaran guru PI berdasarkan persepsi kedua-dua pihak iaitu guru dan murid berada pada tahap sederhana tinggi. Manakala tahap penguasaan bidang ibadah murid adalah pada tahap sederhana rendah. Selain itu, terdapat hubungan yang signifikan pada tahap sederhana antara amalan pengajaran GPI dengan pencapaian penguasaan murid. Ini menunjukkan bahawa seseorang GPI itu perlu mempelbagaikan kaedah dalam pengajaran bagi meningkatkan penguasaan dan pencapaian murid dalam mata pelajaran PI.

Dapatan kajian oleh Zaki Ismail (2017) juga selari dengan dapatan kajian oleh Elmi Hidayah & Khadijah Abd Razak (2020) yang mengkaji mengenai tahap motivasi dan persepsi murid Islam SJKC terhadap pengajaran GPI yang dijalankan terhadap murid Islam tahap dua di SJKC zon Semenyih. Kajian mereka mendapati bahawa murid Islam SJKC mempunyai persepsi yang positif terhadap pengajaran GPI. Manakala tahap motivasi murid terhadap pengajaran GPI pula adalah pada tahap yang sederhana. Ini menunjukkan GPI perlu memperbaiki dan meningkatkan mutu pengajaran terutama dari segi kaedah PdPc bagi meningkatkan motivasi murid untuk mempelajari mata pelajaran PI.

Melalui kajian Nur Hafizah & Mohd Isa (2020) pula mendapati tahap amalan penghayatan pendidikan Islam dalam kalangan pelajar beragama Islam di SJKC berkait dengan beberapa faktor seperti ibu bapa, guru, rakan sebaya, persekitaran sekolah dan media massa. Dalam kajian mereka, terdapat beberapa isu yang dihadapi oleh pelajar-pelajar Islam di SJKC berkenaan dengan Pendidikan Islam. Antara isu tersebut ialah kekurangan GPI, waktu pengajaran PI yang dipendekkan berbanding di SK dan kurangnya fasiliti surau seperti tempat berwuduk dan sebagainya.

Secara keseluruhannya, kajian terkini berkenaan persepsi murid Islam khususnya di SJKC masih kurang dilakukan lebih-lebih lagi di kawasan negeri Selangor yang mana merupakan sebuah negeri yang membangun dan kebanyakan SJKC berada di kawasan bandar. Selain itu, perkembangan dan perubahan dalam kurikulum pendidikan Islam seperti kaedah penaksiran bilik darjah (PBD), pembinaan modul pembentukan karakter dan nilai (MPKN) dan sebagainya perlu diselarakan dengan persepsi murid Islam di SJKC terkini. Ditambah pula

dengan kemasukan bilangan murid Islam yang semakin meningkat dari tahun ke setahun. Oleh disebabkan itu, pengkaji tertarik untuk mengkaji persepsi murid Islam terhadap pengajaran GPI di SJKC.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian tinjauan deskriptif ini menggunakan borang soal selidik sebagai medium untuk pengumpulan data. Peringkat awal, pengkaji memilih secara rawak mudah tiga daripada 13 buah SJKC dalam Daerah Petaling Perdana. Populasi bagi tiga buah SJKC yang terpilih ialah seramai 290 orang. Oleh itu, berdasarkan kepada jadual pensampelan Krejcie & Morgan (1970) maka jumlah sampel yang dicadangkan dalam kajian ini ialah seramai 165 orang. Pemilihan responden yang terdiri daripada murid Islam Tahap 2 ini berdasarkan kepada kemampuan responden dalam memahami dan menjawab soal selidik. Soalan kaji selidik diedarkan kepada responden melalui salinan lembut secara perkongsian pautan *google forms*. Dapatan data daripada soal selidik dianalisis secara deskriptif dan inferensi menggunakan perisian *Statistical Package for The Social Sciences (SPSS)* versi 29.

Set soal selidik yang dibina mengandungi 2 bahagian utama iaitu bahagian A berkenaan demografi responden, dan bahagian B mengandungi persepsi murid terhadap pengajaran GPI. berdasarkan kepada skala Likert 4 mata iaitu 1=sangat setuju, 2=setuju, 3=tidak setuju dan 4=sangat tidak setuju. Pernyataan di dalam instrumen soal selidik ini adalah adaptasi instrumen kajian lepas oleh Elmi Hidayah (2020), instrumen-instrumen yang terdapat di dalam Standard 4 SKPMg2 dan juga pernyataan terkini yang dibina oleh penulis sendiri.

Selain merujuk kepada panel yang pakar untuk mendapatkan kesahan instrumen, ujian rintis juga dijalankan untuk menentukan kebolehpercayaan dan dapat difahami oleh responden. Seramai 30 orang responden dari sebuah SJKC yang mempunyai ciri persamaan dengan populasi responden sebenar dipilih sebagai peserta ujian rintis. Prosedur *Alpha Cronbach* digunakan bagi menentukan nilai kebolehpercayaan instrumen soal selidik. Nilai alfa yang ditetapkan ialah 0.70 dan ke atas.

Berdasarkan hasil analisis yang diperolehi menerusi ujian rintis serta ujian kebolehpercayaan (*reliability test*) *cronbach* terhadap kesemua item soal selidik menunjukkan skor nilai alpha sangat tinggi iaitu 0.911. Ini menunjukkan soal selidik ini boleh dan sesuai digunakan untuk menjalankan kajian sebenar berdasarkan pandangan Brymen & Cramer (2005).

## **DAPATAN KAJIAN**

Dapatan data dianalisis secara deskriptif bagi melihat nilai kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai. Bagi tujuan interpretasi data deskriptif, dapatan dianalisis berpandukan kepada jadual interpretasi skor min berdasarkan skala Disebabkan terdapat pelbagai cadangan interpretasi statistik deskriptif, kajian ini menggunakan interpretasi yang dicadangkan oleh Asrul Asmin (2010) di mana nilai min 1.00 sehingga 1.33 adalah rendah, 1.34 sehingga 2.66 diinterpretasi sebagai sederhana, dan 2.67 sehingga 4.00 diinterpretasikan sebagai tinggi.

## Latar Belakang Demografi

Jadual 1 di bawah menunjukkan taburan demografi responden yang terdiri daripada 165 orang murid Islam Tahap 2 dari tiga buah SJKC di Daerah Petaling Perdana mengikut aspek jantina, umur, kaum dan tempat tinggal.

Jadual 1 Kekekapan dan Peratusan Maklumat Demografi

Demografi		Kekerapan (n=165)	Peratusan (%)
Jantina	Lelaki	66	40
	Perempuan	99	60
Umur	10 Tahun	72	43.6
	11 Tahun	36	21.8
	12 Tahun	57	34.5
Kaum	Melayu	144	87.3
	Cina	14	8.5
	India	3	1.8
	Lain-lain	4	2.4
Tempat Tinggal	Bandar	161	97.6
	Luar Bandar	4	2.4

Merujuk kepada jadual 1, 99 orang (60%) bilangan responden terdiri daripada murid perempuan berbanding responden lelaki (66 orang, 40%). Soal selidik ini telah memfokuskan kepada murid Tahap 2 di SJKC, maka hanya tiga kumpulan umur sahaja yang menyertai tinjauan ini iaitu murid yang berumur 10 tahun, 11 tahun dan 12 tahun. Murid Tahun 4 adalah paling ramai yang menjawab dan memberi respons kepada soal selidik ini (72 orang, 43.6%). Majoriti murid daripada kaum Melayu (144 orang, 87.3%) telah menjawab soal selidik ini berbanding murid kaum Cina (14 orang, 8.5%) dan India (3 orang, 1.8%). Data tempat tinggal menunjukkan majoriti responden tinggal di bandar (161 orang, 97.6%).

## Tahap Penguasaan PBD Pendidikan Islam

Jadual 2 di bawah memaparkan tahap penguasaan murid dalam Pendidikan Islam. Tahap penguasaan Penilaian Bilik Darjah (PBD) bagi mata pelajaran Pendidikan Islam terhadap 165 responden menunjukkan bilangan yang tertinggi ialah murid yang mencapai TP5 dengan kekerapan sebanyak 57 orang (34.5%). Kemudian kedua tertinggi diikuti oleh murid yang mencapai TP4 dengan bilangan seramai 53 orang (32.1%). Manakala seramai 39 orang (23.6%) responden adalah terdiri daripada murid yang mencapai TP6 di dalam PBD mata pelajaran Pendidikan Islam. TP6 merupakan tahap pencapaian yang tertinggi dalam penguasaan PBD. Pencapaian terendah di dalam kumpulan tahap TP1-TP3 menunjukkan paling sedikit murid dengan bilangan seramai 16 orang (9.7%). Keseluruhan data dalam jadual 4 ini menunjukkan

sebahagian besar responden terdiri daripada murid Islam tahap 2 di SJKC yang mencapai TP4 dan TP5 dengan jumlah seramai 110 orang (66.6%).

Jadual 2 Taburan Tahap Penguasaan (TP) Pendidikan Islam

Tahap Penguasaan (TP)	Kekerapan (n=165)	Peratusan (%)
TP1 – TP3	16	9.7
TP4	53	32.1
TP5	57	34.5
TP6	39	23.6

### Persepsi Murid Islam SJKC Terhadap Pengajaran GPI

Jadual 3 di bawah menunjukkan min, sisihan piawai dan interpretasi skor min bagi konstruk persepsi murid Islam SJKC terhadap pengajaran GPI. Skor min keseluruhan item berada pada tahap tinggi dengan nilai min 3.43 dan sisihan piawai 0.492. Analisis setiap item juga menunjukkan skor min tinggi dengan nilai min antara 3.28 – 3.29.

Jadual 3 Persepsi Murid Islam SJKC Terhadap Pengajaran GPI

Item	Pernyataan	Kekerapan (n=165) & Peratusan (%)				Min	Sp.	Int
		STS	TS	S	SS			
B1	GPI saya sentiasa menyatakan objektif pembelajaran sebelum memulakan kelas.	-	8	86	71	3.38	0.579	Tinggi
		-	4.8	52.1	43.0			
B2	GPI saya menyampaikan isi pelajaran dengan jelas dan mudah difahami.	-	5	79	81	3.46	0.558	Tinggi
		-	3.0	47.9	49.1			
B3	GPI saya ada menggunakan pelbagai bahan bantu mengajar (BBM) seperti komputer, kad-kad ayat, projektor dan sebagainya.	4	16	75	70	3.28	0.737	Tinggi
		2.4	9.7	45.5	42.4			
B4	GPI saya pandai menarik minat saya untuk belajar mata pendidikan Islam di dalam kelas.	-	4	75	86	3.50	0.548	Tinggi
		-	2.4	45.5	52.1			
B5	Hubungan saya dengan GPI saya sangat mesra dan rapat.	2	10	78	75	3.37	0.655	Tinggi
		1.2	6.1	47.3	45.5			
B6	GPI saya memberikan masa yang cukup untuk saya	-	11	86	68	3.35	0.601	Tinggi
		-	6.7	52.1	41.2			

	menyiapkan latihan atau tugas.							
B7	GPI saya berkebolehan dan mempunyai pengetahuan yang tinggi dalam menyampaikan ilmu agama.	3	-	73	89	3.50	0.601	Tinggi
		1.8	-	44.2	53.9			
B8	GPI saya sentiasa menjawab persoalan saya dengan baik dan jujur.	-	6	74	85	3.48	0.569	Tinggi
		-	3.6	44.8	51.5			
B9	GPI saya menggunakan pelbagai kaedah pengajaran yang membuat saya mudah faham (nyanyian, permainan, bercerita dan sebagainya).	2	16	60	87	3.41	0.715	Tinggi
		1.2	9.7	36.4	52.7			
B10	Pengajaran GPI saya sangat menyeronokkan.	2	8	45	110	3.59	0.643	Tinggi
		1.2	4.8	27.3	66.7			
<b>Min keseluruhan</b>						<b>3.43</b>	<b>0.492</b>	<b>Tinggi</b>

### Analisis Hubungan Persepsi Murid Islam SJKC Terhadap Pengajaran GPI dengan Tahap Penguasaan (TP) Pendidikan Islam

Jadual 4 di bawah adalah keputusan ujian korelasi *Spearman Rho* ( $r$ ) antara persepsi murid Islam SJKC terhadap pengajaran GPI dengan tahap penguasaan (TP) murid. Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan ( $p=0.006$ ) antara persepsi murid Islam SJKC terhadap pengajaran GPI dengan tahap penguasaan, namun hubungan tersebut berada pada tahap lemah ( $r=0.211$ ). Inferensi yang boleh dibuat ialah semakin tinggi persepsi murid terhadap pengajaran GPI, maka semakin tinggi tahap penguasaan murid terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam.

Jadual 4 Hubungan antara persepsi murid Islam SJKC terhadap pengajaran GPI dengan tahap penguasaan murid

Pemboleh ubah	N	r	Sig
Persepsi Pengajaran Guru dengan Tahap penguasaan	165	0.211	0.006

### PERBINCANGAN

Dalam konteks kajian ini, Tahap Penguasaan (TP) murid dalam mata pelajaran Pendidikan Islam merujuk kepada kebolehan dan keupayaan murid dalam menguasai kemahiran-kemahiran di dalam setiap bidang di dalam mata pelajaran Pendidikan Islam seperti Al-Quran, tajwid, kefahaman surah, hadis, akidah, ibadah, sirah, adab dan juga jawi. Penilaian dan penaksiran dilakukan oleh Guru Pendidikan Islam meliputi semua aspek yang terkandung di dalam



Dokumen Standard Kurikulum dan Penaksiran (DSKP) Pendidikan Islam secara terancang dan berterusan dilakukan sepanjang masa. Berdasarkan kepada pencapaian Tahap Penguasaan (TP) PBD Pendidikan Islam tahun semasa terhadap murid Islam Tahap 2 di 3 buah SJKC di Daerah Petaling Perdana menunjukkan murid Islam berjaya menguasai hasil pembelajaran Pendidikan Islam. Ini berdasarkan sebahagian besar responden mencapai TP4 dan TP5 dengan jumlah seramai 110 orang daripada 165 orang (66.6%). Murid yang mencapai TP4 adalah yang mempunyai ciri-ciri iltizam iaitu berkebolehan menghurai dan mengaplikasi pengetahuan, kemahiran dan nilai daripada kandungan yang telah dipelajari secara bersungguh-sungguh dan bertanggungjawab melaksanakannya dalam kehidupan seharian. Manakala murid yang mencapai TP5 pula adalah murid yang berupaya memberikan justifikasi serta istiqamah dalam tindakan seharian terhadap apa yang telah dipelajari.

Seseorang Guru Pendidikan Islam perlu tahu dan pandai menggunakan kaedah mengajar yang sesuai dengan tahap penguasaan murid. Ini merupakan ciri-ciri kemahiran mengajar yang perlu ada pada seseorang guru terutama Guru Pendidikan Islam dalam mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam. Tiga aspek penting yang perlu diambil kira dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi seseorang guru ialah pendekatan, kaedah dan teknik (Zaki Ismail, 2017; Ab. Halim, 2010). Pengamalan dan aplikasi ketiga-tiga aspek ini akan menghasilkan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Dalam konteks kajian ini, pengamalan dan penggunaan kaedah serta teknik serta pendekatan yang betul dan baik oleh Guru Pendidikan Islam akan memberikan persepsi yang positif kepada murid dalam mempelajari mata pelajaran Pendidikan Islam.

Hasil dapatan berkaitan persepsi murid Islam SJKC terhadap pengajaran Guru Pendidikan Islam (GPI) memberikan interpretasi skor min keseluruhan pada tahap tinggi (min=3.43). Situasi ini menggambarkan murid mempunyai tanggapan dan pemikiran yang positif terhadap pengajaran GPI mereka. Dapatan menunjukkan murid memberikan darjah persetujuan tertinggi berkaitan pengajaran GPI yang sangat menyeronokkan. Dapatan ini menyokong kajian oleh Elmi Hidayah & Khadijah Abd Razak (2020) serta Ab. Halim et al. (2016) yang turut mendapati responden kajian mempunyai persepsi yang positif terhadap pengajaran GPI. Item-item lain turut iaitu berkaitan gaya penyampaian isi pelajaran yang jelas dan mudah, GPI pandai menarik minat untuk belajar PI, GPI berkebolehan dan berpengetahuan tinggi dalam ilmu agama dan item GPI sentiasa menjawab persoalan murid dengan baik dan jujur turut berada pada interpretasi tinggi. Kesemua item ini menunjukkan ciri-ciri seorang GPI yang baik dan komited dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Hal ini ditegaskan di dalam penulisan oleh Nur Hafizah & Mohd Isa (2020) yang menyatakan GPI merupakan faktor tunjang dan terpenting dalam menarik minat murid terhadap pembelajaran Pendidikan Islam. Begitu juga dengan hasil kajian oleh Ainun Rahmah et al. (2017) yang menyatakan bahawa guru perlu menerapkan pengajaran yang menyeronokkan bagi meningkatkan motivasi murid terhadap pembelajaran.

Skor min terendah dalam konstruk ini ditunjukkan oleh item B3 iaitu penggunaan pelbagai bahan bantu mengajar (BBM) seperti komputer, kad-kad ayat, projektor dan sebagainya oleh GPI dengan min=3.28. Walaupun dapatan menunjukkan min berada pada tahap tinggi namun terdapat murid yang menyatakan bahawa GPI kurang menggunakan BBM sama ada berbentuk teknologi atau tradisional. Perkara ini juga disokong oleh dapatan kajian Nurul

Syuhada et al. (2016) yang mendapati bahawa guru kurang menggunakan bahan berbentuk teknologi atau video dalam pengajaran PI. Penggunaan BBM yang berkesan dan menepati ciri-ciri yang sesuai dengan persekitaran akan menarik minat murid dan akan memberikan sepenuh perhatian terhadap pengajaran guru (Zaki Ismail, 2017). GPI perlu mempelbagaikan kaedah pengajaran dengan berbantuan BBM sebagai medium penyampaian dalam pengajaran PI agar dapat menarik minat dan meningkatkan kefahaman murid dalam menguasai sesuatu topik pelajaran PI.

Akhir sekali, perbincangan kajian ini ialah mengenai hubungan antara persepsi murid Islam SJKC terhadap pengajaran GPI dengan tahap penguasaan PBD mata pelajaran PI. Secara keseluruhannya, dapatan kajian mendapati bahawa wujud hubungan yang signifikan pada tahap rendah antara persepsi murid Islam SJKC terhadap pengajaran GPI dengan tahap penguasaan PBD mata pelajaran PI. Ini menunjukkan kaedah dan amalan pengajaran GPI mempunyai hubungan secara langsung terhadap penguasaan dan pencapaian murid dalam mata pelajaran Pendidikan Islam.

## **KESIMPULAN**

Sebagai penutup, kajian ini telah memberikan gambaran yang jelas mengenai persepsi murid Islam di SJKC terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam. Dapatan data yang memberikan tahap persepsi pada tahap sederhana menunjukkan masih ada kelompangan dan kelemahan terhadap amalan pengajaran GPI dan juga kurikulum Pendidikan Islam itu sendiri yang perlu diperbaiki atau dimurnikan. Justeru, usaha-usaha yang berterusan dari pelbagai pihak perlu dilaksanakan secara bersungguh-sungguh bagi meningkatkan prestasi dan martabat mata pelajaran Pendidikan Islam sebagai mata pelajaran teras dan wajib di semua peringkat institusi pendidikan.

## **RUJUKAN**

Al-Quran Al-Karim.

Asrul Amin Masiron. (2010). Hubungan Antara Personaliti dan Penghargaan Kendiri Pelajar Cemerlang Akademik [Unpublished Manuscript]. MRSM Pontian

Brymen, A. & Cramer, D. 2005. *Quantitative Data Analysis With SPSS 12 and 13: A guide for social scientists*. London: Routledge.

Elmi Hidayah Abdul Rahman & Khadijah Abdul Razak. 2020. Tahap Motivasi Dan Persepsi Murid Islam di SJK(C) Terhadap Pengajaran Guru Pendidikan Islam. *International Conference Of Future Education And Advances 2020*, hlm. 153- 160.

*Kamus Dewan Edisi Keempat*. 2010 Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Kementerian Pendidikan Malaysia. 2017. Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2 (SKPMg2), Standard 4: Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc):61 - 69.

Lankshear, Colin & Knobel, Michele. 2018. Supporting 'quality' in novice teacher research: Data Collection and Data Analysis. *ETAS Journal* 35/5 : 45-47.

- Nur Hafizah Abdullah Hadi & Mohd Isa Hamzah. 2020. Tahap Amalan Penghayatan Pendidikan Islam Dalam Kalangan Pelajar Islam di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC). *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan Ke-5 (PASAK5 2020)-Dalam Talian*, hlm. 333-343.
- Nurul Syuhada Johari, Fathiyah Mohd Fakhruddin & Asmawati Suhid. 2016. Pendekatan dan Kaedah Pengajaran Ibadah Solat Guru Pendidikan Islam Menurut Perspektif Murid. *O-jIE: Online Journal of Islamic Education*, 4(2): 46-53.
- Zaki Ismail. 2017. Amalan Pengajaran Bidang Ibadah Dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam Di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Negeri Perak. Tesis Ijazah Sarjana Pendidikan (Pendidikan Islam), Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris.